

Newspaper	THE STAR
Date	03 JUNE 2017

Kebajikan warga FELDA dititikberatkan – PM

um - 3/6/2017 pg. 3

KUALA LUMPUR 2 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan sangat menitikberatkan kebajikan warga FELDA yang merupakan sebuah komuniti yang sangat dekat di hatinya kerana telah dibangunkan oleh Allahyarham bapanya sendiri, Tun Abdul Razak Hussein.

Perdana Menteri berkata, FELDA memainkan peranan penting dalam memacu kemajuan sosioekonomi negara dan model perniagaannya telah berjaya meningkatkan taraf hidup warga peneroka dari generasi ke generasi hingga ke hari ini.

Menurut beliau, kini kerajaan sedang mengusahakan membina sebanyak 8,470 unit rumah generasi kedua bagi fasa pertama yang membolehkan warga FELDA memiliki rumah dengan harga sekitar

RM70,000 dengan 4,990 buah rumah dijangka siap pada tahun ini.

“FELDA juga mempunyai tabung bantuan kebajikan peneroka yang membolehkan peneroka menerima bantuan kewangan maksimum RM10,000. Bantuan kewangan ini adalah untuk mereka yang menghidap penyakit kronik dan kemusnahan harta disebabkan bencana alam. Permohonan juga boleh dibuat untuk membeli alat bantuan kesihatan.

“Dalam bidang pendidikan pula, anak-anak FELDA yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan dan luar negara berhak menerima insentif kewangan seperti skim insentif anak peneroka dan dana khas pelajar cemerlang ke luar negara,” katanya menerusi rakaman audio

yang dimuat naik dalam blog beliau, najibrazak.com, hari ini.

Tambah Perdana Menteri, warga FELDA turut diberi bantuan teristimewa iaitu membaik pulih rumah sedia ada termasuk membesarkan rumah dengan nilai maksimum sebanyak RM40,000 melalui pinjaman tanpa faedah.

“Malaysia merupakan negara pengeluar kelapa sawit kedua terbesar di dunia dan pengeluar getah asli kelima terbesar di dunia. Sebahagian besar kejayaan ini adalah hasil titik peluh warga FELDA.

“(Oleh itu) selagi saya memegang jawatan Perdana Menteri, insya-Allah, saya akan memastikan kemajuan FELDA ditingkatkan dan kebajikan warganya terjamin,” katanya.